



## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR AHAD			
TARIKH	:	11/7/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	SPRM			

## Penjelasan SPRM beri kelegaan banyak pihak

**KUANTAN** - Penjelasan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bahawa isu pencerobohan tanah kerajaan negeri Pahang yang dijadikan ladang durian secara haram di Raub sudah 80 peratus siap memberi kelegaan kepada banyak pihak.

Pengerusi Jawatankuasa Bantahan Pembalakan, Mejar (B) Mohd Rosmani Md Sharif berkata, dengan penjelasan yang diberikan itu sekurang-kurangnya rakyat tahu bahawa isu berkenaan sudah ada dalam radar suruhanjaya terbabit.

"Sudah pasti ramai yang menunggu



MOHD ROSMANI

hasil siasatan tersebut untuk mengetahui sama ada benar wujud 'dalang' dalam kegiatan itu atau sebaliknya," katanya kepada *Sinar Ahad* ketika dihubungi pada Sabtu.

Mohd Rosmani berkata, maklum balas SPRM itu disambut baik kerana membuktikan ketelusan suruhanjaya itu dalam memberi penjelasan tindakan yang telah diambil setakat ini.

Pada Jumaat, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki menjelaskan bahawa pihaknya sudah menjalankan siasatan berhubung isu terbabit.

Menurutnya, siasatan sudah 80 peratus di mana SPRM telah memanggil peneroka dan pihak berkuasa berkaitan untuk dirakam keterangan.



Laporan Sinar Harian pada Sabtu.